



**FAKULTI SAINS SUKAN DAN REKREASI  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA MALAYSIA**

**Latihan Industri/Praktikal Pelajar**

**Panduan Untuk Organisasi**

**Pengenalan**

Latihan industri/ latihan praktikal pelajar diwajibkan ke atas semua pelajar yang mengikuti Program Diploma Pengajian Sukan, Diploma Pengurusan Sukan dan Rekreasi, Ijazah Sarjana Muda Sains Sukan (Hons.) dan Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Sukan (Hons.). Pelajar Fakulti Sains Sukan dan Rekreasi akan menjalani latihan industri/latihan praktikal selama 8 minggu pada sesi semester pengajian mereka.

**Objektif Am**

Tujuan latihan industri/latihan praktikal ini adalah untuk mendedahkan pelajar kepada persekitaran kerja yang berkaitan dengan bidang pengajian pelajar. Latihan industri/latihan praktikal ini juga untuk membolehkan pelajar memperolehi pengetahuan dan meningkatkan kemahiran dalam bidang pengurusan sukan dan sains sukan.

**Objektif Khusus**

1. Melatih pelajar untuk mengaplikasikan pengetahuan dan kemahiran yang dipelajari secara teori ke dunia pekerjaan yang sebenarnya.
2. Melengkapkan keupayaan pelajar untuk belajar, memerhati, menganalisa serta menilai amalan-amalan pengurusan sukan dan sains sukan dalam dunia pekerjaan.
3. Membekalkan pelajar dengan mempamerkan integriti dan sikap bertanggungjawab di tempat kerja, dan mengamalkan komunikasi yang berkesan, serta membangunkan kemahiran bersosial dan kerja berpasukan.

**Maklumat**

**Program Latihan Industri/Latihan Praktikal**

Adalah menjadi harapan fakulti bahawa pelajar akan menerima satu pengalaman latihan industri/latihan praktikal yang bermakna dan berfaedah. Untuk latihan yang berkesan, adalah penting bahawa selain daripada kemahiran teknikal, pelajar perlu juga didedahkan kepada sebahagian dari: -

- a. Pengurusan sukan - termasuk tanggungjawab, rutin setiap hari dan menjalankan tugas-tugas pentadbiran secara profesional;

- b. Hubungan manusia - bekerjasama dengan orang ramai untuk perkara yang dilakukan;
- c. Aplikasi komputer - menggunakan komputer sebagai bantuan dalam perancangan, reka bentuk dan analisis projek sukan;
- d. Implikasi kos - kesedaran keberkesanan kos dalam bidang sains sukan dan pengurusan sukan;
- e. Langkah-langkah keselamatan - kesedaran kepentingan keselamatan dalam organisasi;
- f. Kawalan kualiti - kesedaran kualiti dalam semua pekerjaan dilakukan;
- g. Produktiviti - kesedaran langkah-langkah yang diambil untuk meningkatkan produktiviti di tempat kerja dan
- h. Pemasaran - kesedaran kaedah promosi produk dan perkhidmatan industri sukan.

Pelajar dikehendaki mengemukakan Ringkasan Eksekutif (Executive Summary) di minggu ke-12 iaitu pada minggu terakhir latihan industri/latihan praktikal mereka. Ringkasan Eksekutif ini hendaklah dikemukakan kepada pensyarah penyelia dalam tempoh dua minggu setelah selesai tempoh latihan industri/latihan praktikal rasmi. Organisasi/penyelia organisasi diminta untuk mengkaji laporan pelajar sekiranya ada terdapat maklumat sulit dan menandatangani borang pelepasan dengan mengesahkan bahawa maklumat tersebut dibenarkan kepada pelajar untuk dicatatkan dalam laporan mereka. Pelajar perlu mengemukakan laporan itu kepada pensyarah penyelia di fakulti untuk tujuan penilaian berterusan kursus latihan industri/latihan praktikal.

### **Maklumat Umum**

#### **Penyelaras Latihan Praktikal FSR UiTM**

Penyelaras Latihan Praktikal akan berkomunikasi dengan organisasi/penyelia organisasi melalui e-mel atau telefon dari semasa ke semasa. Sepanjang latihan industri/latihan praktikal berjalan, Penyelaras Latihan Praktikal FSR UiTM akan hanya melawat ke tempat latihan industri/latihan praktikal pelajar sekiranya ada keperluan untuk mengadakan perbincangan dengan pelajar dan pihak organisasi.

#### **Waktu bekerja**

Pelajar perlu melaporkan diri untuk bekerja lebih awal atau tepat pada masanya mengikut waktu kerja biasa organisasi. Jika terdapat apa-apa perubahan waktu bekerja yang telah dipersetujui oleh pelajar dan organisasi itu, Fakulti perlu dimaklumkan. Memandangkan pelajar-pelajar Ijazah Sarjana Muda kebanyakan mereka sedang menjalani projek penyelidikan akhir tahun, kerjasama dari organisasi adalah diperlukan untuk tidak memberikan jumlah masa bekerja yang terlalu membebankan pelajar.

#### **Kehadiran pelajar melapor diri (hari pertama)**

Apabila pelajar **melapor diri** pada hari pertama di organisasi, pihak Fakulti memohon kerjasama pihak organisasi untuk mengisi **Borang Pengesahan Kehadiran Melapor Diri Pelajar** dan menghantar semula borang tersebut melalui email kepada Fakulti sebaik sahaja pelajar telah melaporkan diri pada hari pertama. Tujuan utama pengesahan ini dibuat adalah untuk memastikan pelajar benar-benar telah mematuhi arahan dan hadir mengikut jadual yang telah ditetapkan.

## **Pelepasan pelajar**

Organisasi yang menjalankan latihan industri/latihan praktikal untuk pelajar diingatkan supaya tidak membenarkan pelajar menamatkan latihan industri/latihan praktikal lebih awal dari tarikh yang telah ditetapkan.

Pelepasan awal perlu mendapat kebenaran dan perbincangan dengan Ketua Pusat Pengajian FSR UiTM. Bagi tujuan pengesahan perjumpaan pelajar dengan pensyarah penyelia, pihak organisasi boleh menyemak borang pengesahan perjumpaan pelajar dengan penyelia sekembalinya mereka dari perjumpaan tersebut.

## **Disiplin**

Pelajar perlu mematuhi peraturan organisasi mereka. Sekiranya ada di antara pelajar melanggar etika bekerja secara sengaja, pihak Fakulti amat menghargai jika pihak organisasi membuat teguran yang membina untuk kemajuan diri pelajar. Sekiranya teguran itu tidak berkesan, perkara ini hendaklah dilaporkan kepada Penyelaras Latihan Praktikal FSR UiTM dengan segera mengenai salah laku mereka. Memandangkan latihan industri/latihan praktikal adalah merupakan sebahagian daripada pendidikan sains sukan dan rekreasi, Fakulti mengambil serius terhadap pelajar yang prestasi mereka tidak memuaskan.

## **Hak Harta Intelek**

Harta intelek yang dibangunkan atau direkacipta oleh pelajar semasa latihan industri/latihan praktikal, ia hendaklah menjadi kepunyaan organisasi. Organisasi itu digalakkan untuk memberikan beberapa pengiktirafan atau award kewangan kepada pelajar-pelajar untuk sumbangan mereka.

## **Cuti dalam Tempoh Latihan Industri/Latihan Praktikal**

### *a. Cuti rehat*

Pelajar tidak dibenarkan mengambil cuti sewaktu menjalani latihan industri/latihan praktikal kecuali dengan kelulusan organisasi yang berkaitan.

### *b. Cuti Sakit/Kecemasan*

Pelajar yang tidak dapat menghadiri latihan industri/latihan praktikal bagi tempoh lebih daripada enam (7) hari kerana kecemasan atau cuti sakit disifatkan sebagai tidak memenuhi syarat dan perlu mengulang program latihan industri sepenuhnya. Walau bagaimanapun, organisasi boleh menggunakan budi bicara bagi memberikan kelulusan cuti tambahan berdasarkan situasi pelajar.

### *c. Pertandingan dan Upacara Agama*

Organisasi hendaklah melepaskan pelajar cuti tanpa gaji atau bergaji mengikut budi bicara organisasi, jika mereka mewakili Malaysia (terhad 4 minggu sahaja) atau UiTM/Negeri (terhad 3 minggu sahaja) dalam pertandingan rasmi dan upacara keagamaan.

Sekiranya terdapat keperluan pelajar untuk bercuti melebihi tempoh yang ditetapkan, pelajar dicadangkan untuk menangguhkan kursus latihan industri/latihan praktikal.

### *e. Jenis cuti lain yang diberikan hanya mengikut budi bicara organisasi (Cuti Ihsan). Ini termasuk:*

- i) cuti melibatkan urusan ahli-ahli keluarga terdekat pelajar;
- ii) permintaan untuk menghadiri urusan akademik di Fakulti, seperti persembahan projek tahun akhir dan perjumpaan dengan pensyarah penyelia;
- iii) sekiranya pelajar terlibat sebagai kontak rapat dengan pesakit COVID-19. Organisasi dicadangkan untuk membenarkan pelajar bekerja dari rumah (*Work From Home*).

### **Elaun / Wang saguhati**

Sekiranya pihak organisasi mempunyai peruntukan kewangan bagi tujuan latihan industri/latihan praktikal, amatlah dihargai dan pembayaran elauan / wang saguhati boleh menolong memudahkan pelajar menjalani latihan industri/latihan praktikal mereka.

### **Insurans/Takaful**

Ia adalah digalakkan untuk semua pelajar untuk membeli polisi insurans/takaful sebelum menjalani latihan industri/latihan praktikal mereka. Adalah dimaklumkan bahawa sebahagian daripada yuran pelajar adalah disumbangkan untuk kesihatan, kemalangan dan kematian. Walau bagaimanapun, perlindungan mereka adalah pada jumlah yang paling minima.

### **Memulakan latihan industri/latihan praktikal lebih awal atau perlanjutan tempoh latihan industri/latihan praktikal yang telah ditetapkan**

Organisasi yang ingin pelajar menyertai mereka sebelum bermulanya tempoh latihan industri/latihan praktikal rasmi atau melanjutkan tempoh latihan latihan industri/latihan praktikal pelajar, organisasi perlu mendapatkan kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada UiTM dan pelajar wajib memaklumkan kepada Ketua Pusat Pengajian FSR UiTM terlebih dahulu.

### **Penilaian Latihan Industri/Latihan Praktikal Pelajar**

Organisasi yang menjalankan latihan industri/latihan praktikal untuk pelajar dikehendaki menilai kemajuan pelajar sepanjang tempoh pelajar tersebut menjalani latihan industri/latihan praktikal mereka. Penilaian yang bakal dibuat oleh Penyelia Organisasi adalah berdasarkan pemantauan dan kemajuan yang telah ditunjukkan oleh pelajar dan ia hendaklah dilaporkan dengan tepat.

Laporan ini hendaklah menggunakan **Borang Laporan Kemajuan Pelajar** yang telah diserahkan oleh pelajar kepada Penyelia Organisasi pada hari pelajar mendaftar. Borang yang telah lengkap diisi perlu dikembalikan kepada pihak Fakulti dalam tempoh **seminggu** selepas pelajar berjaya menamatkan latihan industri/latihan praktikal.

### **Hal-hal Lain**

Organisasi yang berhasrat untuk menghantar pelajar ke luar negara dalam tempoh latihan industri/latihan praktikal berlangsung perlu memaklumkan secara bertulis kepada UiTM dan memastikan bahawa perlindungan insurans/takaful yang mencukupi telah diperuntukkan oleh organisasi untuk pelajar tersebut.

### **Untuk maklumat selanjutnya, sila hubungi:**

Penyelaras Latihan Praktikal FSR menerusi  
Email: [Latihanindustrifsr@gmail.com](mailto:Latihanindustrifsr@gmail.com)  
Telefon: 0125880787